

30/06/2002

Megat Junid perjelas soal tolak ansur Dr M

ALOR STAR: Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub berkata, tolak ansur berhubung pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan selepas Oktober 2003, bermaksud tolak ansur pada diri Perdana Menteri sendiri.

Beliau berkata, tidak wujud tolak ansur antara Dr Mahathir sama ada dengan beliau atau tujuh lagi anggota Jawatankuasa Pengurusan Umno yang bertemu dengan Dr Mahathir di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya, pagi Ahad lalu.

Sebaliknya, katanya, Perdana Menteri menyatakan hasratnya untuk berundur daripada Umno dan kerajaan selepas mempengerusikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober tahun depan, selepas menonton televisyen pada malam Ahad lalu.

Beliau berkata, belum sempat lapan anggota Jawatankuasa Pengurusan Umno berkata apa-apa, Dr Mahathir terlebih dulu menyatakan hasratnya untuk berundur selepas Oktober 2003, apabila melihat pemimpin dan ahli Umno di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menangis sejurus selepas Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatannya melalui televisyen, malam itu.

"Memang tak ada tolak ansur langsung antara Jawatankuasa Pengurusan Umno dengan Dr Mahathir. Yang ada ialah tolak ansur dalam diri Dr Mahathir sendiri," katanya selepas mesyuarat dengan semua ketua penerangan Umno bahagian di Kedah, di Bangunan Tunku, di sini, tengah malam semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar semalam, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, dipetik sebagai berkata, hasrat Dr Mahathir untuk melepaskan jawatannya selepas Oktober 2003, adalah keputusannya sendiri, bukannya hasil kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno.

"Apabila Dr Mahathir balik ke rumah, dia tengok di televisyen, orang menangis, meraung. Maka wujud dalam diri beliau bahawa `tak patut aku buat macam ini'.

"Dr Mahathir kata, `Semalam saya tengok tv, saya buat keputusan saya akan berhenti selepas OIC kerana semua pemimpin negara Islam berjanji nak datang kalau saya jadi tuan rumah. Buatlah kerja elok-elok. Umno dah kuat dah, kasihanlah dekat saya, dah masuk 78 tahun dah. Bagilah peluang saya nak main dengan cucu, nak buat ibadat.' Kami dengar sajalah.

"Dalam pemerhatian saya, memang ada tolak ansur dalam diri beliau," katanya.

(END)